



SIARAN MEDIA

Bantuan Khas RM260 juta kepada semua kerajaan negeri di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)

SIARAN MEDIA | 20 MAC 2021



Selaras dengan pengumuman PEMERKASA oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Mac 2021, Kerajaan bersetuju menyalurkan **bantuan khas berjumlah RM260 juta yang akan disalurkan secara langsung kepada semua Kerajaan Negeri Malaysia**. Bantuan ini akan diagihkan secara sama rata, iaitu **RM20 juta kepada setiap negeri** untuk pelaksanaan segera projek-projek kecil bagi memulihkan ekonomi setempat di peringkat akar umbi.

Projek-projek kecil yang akan dikhususkan kepada kontraktor kelas G1 hingga G4 ini termasuklah pembaikan infrastruktur dan fasiliti awam, pembaikan jalan, program ameniti sosial, baik pulih perumahan awam, serta penyelenggaraan premis perniagaan bagi memastikan peniaga kecil dan penjaja mempunyai persekitaran kondusif untuk berniaga di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Demi keperihatinan Kerajaan kepada seluruh rakyat di Malaysia, Kerajaan telah menambah peruntukan bagi projek berskala kecil pada tahun 2021 melalui PEMERKASA bagi terus merancakkan aktiviti projek-projek berskala kecil

peringkat negeri dan akar umbi.

Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Abdul Aziz

Kementerian Kewangan

20 Mac 2021

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BAJET 2022](#)

[COVID-19](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[TMK I](#)

[PENJANA](#)

[PRIHATIN](#)

[TEAM MOF](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)